

MKN tentukan tayangan video tragedi Sauk

BH 26 JUL 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob berkata soal sama ada rakaman video mengenai insiden Sauk wajar ditayangkan kepada orang ramai terserah kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Katanya, rakaman video itu mungkin mengandungi gambar-gambar yang mengerikan termasuk mayat penjenayah serta mayat kedua-dua anggota pasukan keselamatan dan oleh itu hanya MKN yang boleh menentukannya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan bercadang menayangkan rakaman video mengenai insiden Sauk bagi meyakinkan rakyat tentang kebenaran peristiwa itu.

Wartawan mencadang-

kan tayangan rakaman video itu bagi menyangkal tuduhan Pas kononnya insiden Sauk sandiwara.

Sebelum itu, Khalil merasmikan majlis taklimat kepada pegawai jabatan dan agensi di bawah Kementerian Penerangan di

Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Bukit Kiara di sini.

Beliau berkata, kerajaan terpaksa menjelaskan kepada rakyat melalui media termasuk temu bual Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Moha-

mad bagi menangkis fitnah Pas.

“Kini pegawai penerangan dari seluruh negara diminta menjelaskan kepada orang tempatan hal teknikal (berhubung insiden Sauk) yang dipertikaikan” katanya.